



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
Karung Berkunci No. 6,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpnns.moe.gov.my

Rujukan Kami : JPNNS.100-6/1/21 (18)
Tarikh : 14 Ogos 2024

Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri
Jalan Labu Lama, 70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan,

KELULUSAN TEKNIKAL ICT BAGI NEB4092 – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTERI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil. 3/2024 bertarikh **14 Ogos 2024** telah mempertimbangkan permohonan tuan mengenai perolehan peralatan ICT dan **memberi kelulusan** teknikal dengan anggaran kos sebanyak **RM 665.00** menggunakan sumber peruntukan **PCG – Program Vokasional Menengah Atas (PVMA)** seperti berikut:

Bil	Perkakasan/ Perisian Yang Dimohon	Kuantiti (Unit) Yang Dimohon	Anggaran Kos Seunit (RM)	Kuantiti (Unit) Yang Diluluskan	Justifikasi
1.	Pencetak Pelbagai Fungsi	1	665.00	1	PDP

3. Pihak tuan adalah diminta untuk mematuhi dan memberi perhatian atas perkara-perkara berikut:

- 3.1. Secara dasarnya permohonan diluluskan tertakluk kepada sumber peruntukan yang telah diluluskan;
- 3.2. Perolehan **hendaklah dilaksanakan** mengikut tatacara perolehan, prosedur dan pekeliling kewangan semasa;
- 3.3. Perolehan yang dibuat hendaklah atas dasar perbelanjaan berhemah dan tiada perolehan mewah; dan

3.4. Pihak sekolah mesti menghantar dokumen berikut kepada urus setia JPICT selepas tiga (3) bulan :-

3.4.1 Borang Pelaporan Kelulusan ICT Untuk Perolehan Yang Diluluskan Di Peringkat JPICT-JPN - **Lampiran D dan Lampiran D1;**

3.4.2 Satu **salinan Invois**; dan

3.4.3 Salinan **KEW.PA-3 - Harta Modal** atau salinan **KEW.PA-4 – Aset Nilai Rendah.**

(Pihak sekolah hendaklah mendaftar peralatan dalam tempoh dua (2) minggu selepas perolehan)

4. Kerjasama dan keprihatinan tuan di dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(PUTRA BIN HASHIM)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Perancangan & Pengurusan PPD
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

- s.k.
1. Ketua Audit Sekolah
Bahagian Audit Sekolah Negeri Sembilan
 2. Unit Akaun
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
 3. Ketua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Seremban